

Polis tubuh pasukan khas siasat Bunyamin

BH 3 11 JUL 2002

Oleh Johan Afandi, Manzaidi Mohd Amin dan Hamid Salleh

KUALA LUMPUR, Selasa - Polis menubuhkan satu pasukan khas bagi menyiasat penceramah Pas, Bunyamin Yaacob, yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucah bersama cucunya.

Pasukan yang dianggotai pegawai Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Kontinjen Kelantan dijangka memulakan siasatan mereka tidak lama lagi, selepas tiga laporan polis dibuat terhadap Bunyamin.

Timbalan Pengarah 1 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Musa Hassan, yang mengesahkan penubuhan pasukan khas itu, berkata pihaknya masih dalam proses menyediakan kertas siasatan.

"Setakat ini, kita sudah menerima tiga laporan polis yang dibuat terhadap Bunyamin kerana membuat dakwaan itu dan apabila kita terima, sudah

tentu polis akan siasat," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengarahkan polis mengambil tindakan terhadap Pegawai Penerangan Pas Kelantan itu yang membuat dakwaan kononnya, Perdana Menteri menonton video lucah bersama cucunya di kediamannya.

Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai sungguh biadap dan keterluan, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri mahu polis bertindak segera kerana ia menjejaskan imej Perdana Menteri.

Musa' berkata, kes itu akan disiasat di Kelantan kerana ceramah berkenaan diadakan di negeri itu dan ia akan disiasat dengan teliti.

"Ia adalah prosedur biasa, apabila kita terima

laporan, tidak kira siapa saja, polis akan menyiasatnya," katanya.

Sementara itu, di Pasir Mas, Kelantan, seorang kakitangan awam, Kamarul Bahrin Awang, membuat laporan polis berhubung ucapan Bunyamin.

Kamarul Bahrin, 36, dari Kampung Teliar, Butut Susu, membuat lapo-

ran di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD), kira-kira jam 12 tengah hari.

Ketika ditemui, beliau menyifatkan ucapan pemimpin Pas itu menuduh Dr Mahathir menonton video lucah bersama cucunya sebagai serius dan menjejaskan imej negara.

Beliau membuat laporan itu selepas menonton klip video ceramah pemimpin Pas itu yang disiarkan RTM menerusi Berita Perdana pada 26, 27 dan 28 Julai lalu.

"Pada fahaman saya, ucapannya adalah serius dan memalukan, di samping boleh menjejaskan nama baik pemimpin serta negara," katanya.

Kamarul juga membiadai sikap Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tidak menegur dan menasihati pemimpin parti itu yang bertentangan dengan tuntutan Islam.

Ketua Polis Negeri Kelantan, Datuk Mohd Najib Abdul Aziz, berkata polis

akan memanggil Bunyamin secepat mungkin untuk mengambil keterangannya.

Di KUALA TERENGGANU, Jawatankuasa Bertindak Pemuda Umno Terengganu turut membuat laporan polis terhadap Bunyamin.

Laporan dibuat oleh pengerusi jawatankuasanya, Tengku Zainuddin Tengku Zahid di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu, kira-kira jam 10.25 pagi.

Tengku Zainuddin berkata, tuduhan liar dan fitnah yang dibuat oleh pemimpin Pas itu adalah memalukan kerana dibuat oleh seorang pemimpin yang mendakwa memperjuangkan Islam.

"Kenyataan itu tidak mencerminkan moral seorang pemimpin berimejkan Islam dan kami menyifatkan Bunyamin tidak mempunyai maruah apabila mengeluarkan kenyataan yang amat memalukan," katanya.